

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**

**SOALAN NO. 365**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada satu IKBN akan dibina di Sibu. Apakah rancangan bagi belia di Sibu pada tahun 2019.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) melaksanakan program pembangunan belia secara menyeluruh di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Program ini tidak memberi fokus kepada luar bandar semata-mata dan penyertaan adalah terbuka kepada belia samada di bandar dan luar bandar tanpa mengira kaum. Antara program pembangunan belia yang bakal dilaksanakan di Sibu adalah Majlis Perundingan Belia Daerah, Kursus Kepimpinan Organisasi, Program Youth Career dan Program Keusahawanan. Manakala bagi program pembangunan sukan yang dicadang untuk dilaksanakan bagi belia di Sibu adalah Fitmalaysia @Community dan Inspire iTalent.

Sekian, terima kasih.